



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: I-M/KOKU/300-3/KRSM(230/2025)

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 JLD.46 (29)

Tarikh : 17 Oktober 2025

Pengerusi

Sekretariat Pusat Kadet Remaja Sekolah Musleh

6-1 Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sg. Besi Indah

43300 Seri Kembangan

Selangor

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KARNIVAL ANTARABANGSA PASUKAN
BADAN BERUNIFORM BAGI SEKOLAH RANGKAIAN, RAKAN MUSLEH DAN
TERBUKA TAHUN 2025 ANJURAN SEKRETARIAT PUSAT KADET REMAJA
SEKOLAH MUSLEH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan perkara ini berkaitan dengan surat daripada pihak tuan bertarikh 7 Oktober 2025 dengan nombor rujukan I-M/KOKU/300-3/KRSM(230/2025).

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Sekretariat Pusat Kadet Remaja Sekolah Musleh** kerana telah memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui penganjuran **Pertandingan Video Pendek Karnival Antarabangsa Pasukan Badan Beruniform bagi Sekolah Rangkaian, Rakan Musleh dan Terbuka Tahun 2025** yang dilaksanakan pada **15 Ogos hingga 21 September 2025** secara dalam talian.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang telah dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Antarabangsa** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan bagi program ini. Markah ini diambil kira dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti dalam lampiran.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Cik Arifah binti Ahmad** di talian **03-88721619** atau melalui e-mel **arifah.ahmad@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD ZAIDI BIN ISHAK D.P.T., P.M.C.)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

arifah/upbb

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN
KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PENGLIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara.
PENGLIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Penglibatan murid sebagai penyokong atau penonton.

**RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM
SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN**

Penyertaan Bersemuka		Penyertaan Secara Dalam Talian	
Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)	Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)
Antarabangsa	3 Negara	Antarabangsa	5 Negara
Kebangsaan	3 Negeri	Kebangsaan	5 Negeri
Negeri	4 Daerah	Negeri	5 Daerah
Daerah	5 Sekolah	Daerah	6 Sekolah

Perincian ringkasan pengiktirafan boleh dirujuk dalam Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (tarikh kemas kini: 3 Jun 2025)

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/ Daerah	11	8	4

SKOR PENGLIBATAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4